

BAB 7

Pencapaian Pendidikan MARA

Selepas 24 tahun pelancarannya (1966-1990), Majlis Amanah Rakyat telah dikenali oleh masyarakat Bumiputera, khususnya sebagai agensi yang terlalu besar jasanya dalam membantu masyarakat Bumiputera terutamanya dalam aspek pendidikan. Apa yang lebih membanggakan lagi, MARA berjaya melahirkan berpuluhan-puluhan ribu cendikiawan Bumiputera dalam berbagai ilmu kemahiran. Pencapaian ini amat memberangsangkan kerana selama ini khususnya di zaman penjajahan, masyarakat Bumiputera dianggap sebagai masyarakat yang layak menjadi petani dan nelayan. Setelah negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, lompong yang tidak diisi pada masa penjajah British, terutama dalam aspek pendidikan telah diisi oleh MARA. Sehubungan dengan itu, MARA yang diberi kepercayaan oleh kerajaan telah memainkan peranan dan sumbangan dalam memajukan masyarakat Bumiputera yang tertinggal khususnya dalam aspek pendidikan. Pencapaian MARA dalam melaksanakan amanah kerajaan ini dengan sendirinya menolak kononnya masyarakat Bumiputera malas, kurang pandai, mempunyai sikap ‘tak apa’ dan bermacam-macam tohmahan negatif oleh penulis-penulis Barat. Kejayaan MARA membuktikan bahawa masyarakat Bumiputera boleh maju setanding dengan masyarakat lain, kalau diberi peluang yang sama dan adil.

Untuk melihat pencapaian dan kejayaan MARA dalam membantu masyarakat Bumiputera terutama dalam aspek pendidikan, adalah wajar diteliti perkembangan dan

sumbangan institusi pendidikan anjuran MARA terutama penglibatan MARA dalam rancangan pembangunan lima tahun yang direncanakan oleh pihak kerajaan.

Dalam kajian ini, tumpuan yang diberikan adalah perkembangan institusi pendidikan MARA sebelum DEB dan semasa perlaksanaan DEB. Jangkamasa sebelum perlaksanaan DEB ialah ketika perlaksanaan Rancangan Malaysia Pertama iaitu antara tahun 1966-1970. Manakala semasa perlaksanaan DEB ialah antara tahun 1971-1990 yang melibatkan Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980), Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) dan Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990).

Dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970), jumlah pelajar anjuran MARA di peringkat universiti amatlah terhad. Jadual 63 menunjukkan jumlah pelajar yang dianjurkan oleh MARA dalam tempoh perlaksanaan Rancangan Malaysia Pertama.

Jadual 63
Program Penganjuran Pelajaran MARA
Bilangan Pengambilan Pelajar RMK 1

Lokasi Panganjuran	RMK 1 (1966 – 1970)
Tempatan	2,168
Luar Negeri	918
Jumlah	3,086

Sumber: Diolah Berdasarkan MARA, *The New Economic Policy 1971 – 1990*, hlm. 89

Berdasarkan jadual 63, dalam tempoh perlaksanaan Rancangan Malaysia Pertama (1966 – 1970), MARA hanya dapat menganjurkan seramai 3,086 pelajar sahaja. Dari jumlah 3,086 pelajar, 2,168 pelajar telah ditaja untuk belajar di dalam institusi pengajian

tinggi tempatan dan bakinya seramai 918 pelajar telah ditaja untuk mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi di luar negara.¹⁵

Melihat kepada pencapaian fizikal penganjuran MARA dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama iaitu berjaya menaja seramai 3,086 pelajar, maka dapat dibuktikan bahawa MARA telah melaksanakan usul Kongres Ekonomi Bumiputera terutama dalam bidang kemahiran. Apabila dibandingkan pemberian biasiswa di zaman penjajahan dengan zaman tertubuhnya MARA, dapat disimpulkan bahawa MARA memainkan peranan dan sumbangsan yang amat penting dalam membantu masyarakat Bumiputera. Perbandingan ini amat penting kerana di zaman penjajahan British, pendidikan masyarakat Bumiputera telah diabaikan. Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, usaha-usaha telah dibuat seperti penubuhan MARA untuk membantu kerajaan dalam meninggikan taraf pendidikan masyarakat Bumiputera.

Jadual 64 menunjukkan biasiswa yang diberi kepada penuntut Melayu dan bukan Melayu oleh Kerajaan Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1946-1952. Manakala jadual 65 menunjukkan biasiswa yang diberi kepada penuntut Melayu dan bukan Melayu oleh Kerajaan Negeri pada tahun 1946 – 1952.

¹⁵ MARA, *The New Economic Policy 1971 – 1990*, hlm.89. Lihat juga Data Korporat MARA setakat 30.06.98, hlm. 31. Jika dilihat kepada laporan tahunan MARA, jumlah pelajar yang ditaja dalam tempoh RMK I ialah seramai 2,484 pelajar iaitu seramai 118 pelajar telah ditaja pada tahun 1966 (*Penyata Tahunan MARA 1967*, hlm. 4), seramai 322 pelajar telah ditaja pada tahun 1966 (*Penyata Tahunan MARA 1967*, hlm. 3), seramai 391 pelajar diberi biasiswa dan 165 pelajar diberi biasiswa pinjaman pada tahun 1968 (*Penyata Tahunan MARA 1968*, hlm 19), seramai 186 pelajar menerima bantuan biasiswa dan 569 pelajar telah diberi biasiswa pinjaman pada tahun 1969 (*Penyata tahunan MARA 1969*), dan pada tahun 1970, MARA menaja seramai 1,058 pelajar baru (*Penyata Tahunan MARA 1970*, hlm. 75). Oleh kerana masalah pengumpulan data, maka dalam kajian ini, pengkaji mengambil data berdasarkan data terkini iaitu data yang dikeluarkan oleh Bahagian Perancangan Korporat MARA dan Laporan Tahunan MARA diambilkira bagi membuktikan pencapaian tahunan MARA.

Jadual 64
Biasiswa Yang Dikeluarkan Oleh Kerajaan Pusat
Dari 1946 - 1952

Tahun	Melayu	Bukan Melayu
1946	24	68
1947	20	100
1948	26	40
1949	32	30
1950	30	42
1951	16	60
1952	81	100
Jumlah	240	350

Sumber : Pemikir, Oktober – Disember 1997, hlm. 43

Berdasarkan jadual 64, biasiswa yang diberi oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu kepada penuntut Melayu dari tahun 1946 hingga ke tahun 1952 ialah seramai 240 orang. Biasiswa yang diberikan kepada penuntut bukan Melayu dalam tempoh yang sama ialah seramai 350 orang. Jadual 64 menunjukkan bahawa orang Melayu telah diabaikan berbanding dengan bukan Melayu oleh kerajaan penjajah dalam bidang pendidikan. Di kalangan orang Melayu yang menerima biasiswa pula adalah datangnya daripada golongan bangsawan. Keadaan ini dapat dibuktikan apabila melihat jadual 65 yang menunjukkan pemberian biasiswa oleh Kerajaan Negeri. Di peringkat Kerajaan Negeri, pengaruh sultan dan pembesar masih kuat, justeru itulah bilangan penuntut Melayu menerima biasiswa lebih banyak berbanding dengan penuntut bukan Melayu.

Jadual 65
Biasiswa Oleh Kerajaan Negeri-Negeri
Dari Tahun 1946-1952

Tahun	Melayu	Bukan Melayu
1946	Tiada	Tiada
1947	3	1
1948	2	3
1949	15	4
1950	27	5
1951	32	28
1952	22	21
Jumlah	81	62

Sumber: Pemikir, Oktober – Disember 1997, hlm.43

Berdasarkan jadual 65, orang Melayu telah diberi biasiswa seramai 81 orang dan bukan Melayu seramai 62 orang oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh 1946 hingga tahun 1952. Pemberian biasiswa kepada orang Melayu melebihi daripada yang bukan Melayu pada peringkat Kerajaan Negeri menunjukkan adanya campurtangan dari pembesar tempatan. Ini menunjukkan bahawa pengaruh pembesar tempatan masih ada di dalam sistem pentadbiran British pada peringkat tempatan.²

Pemberian biasiswa oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri pada zaman penjajah menunjukkan bahawa masyarakat Bumiputera sengaja diabaikan oleh penjajah British. Pengabaian ini sesuai dengan matlamat British yang ingin menjadikan orang Melayu khususnya sebagai masyarakat yang pandai menulis, mengira dan membaca sahaja. Justeru itulah di zaman penjajah British, masyarakat Bumiputera tertinggal dalam aspek pendidikan apatah lagi dalam bidang ekonomi.

² *Pemikir*, Oktober – Disember 1977, hlm. 43.

Pada tahap permulaan MARA, MARA bukan setakat mengisi kekosongan cendikiawan Melayu yang diabaikan oleh penjajah British tetapi juga mengisi masyarakat Bumiputera dengan ilmu yang sesuai dengan perubahan zaman. Lantaran itu, dalam usaha menaja pelajar, MARA mengutamakan pelajarnya melanjutkan pelajaran dalam bidang sains dan kejuruteraan, bidang profesional seperti akauntan, perubatan dan bidang pengurusan yang berkaitan dengan perniagaan. Bidang-bidang yang ditaja oleh MARA ini tidak diberi keutamaan oleh penjajah British sebelum ini.

Usaha-usaha MARA untuk membanyakkan masyarakat Bumiputera dalam bidang sains dan teknologi tidak terselah dalam zaman awal penubuhannya. Ini kerana tidak ada calon yang sesuai untuk diberi biasiswa dalam bidang tersebut. Justeru itu, dasar MARA untuk memberi galakkan kepada pelajar Bumiputera dalam bidang sains adalah tidak berjaya, sebagai contoh, graduan Melayu dalam bidang sains Universiti Melaya dari tahun 1964 – 1970 ialah cuma 119 orang berbanding 2,337 siswazah yang dikeluarkan oleh Universiti tersebut.³

Setelah melihat kegagalan masyarakat Bumiputera dalam bidang sains dan teknologi, MARA telah merancang jalan penyelesaiannya iaitu dengan menubuhkan Maktab Rendah Sains MARA dan membanyakkan penajaan pelajar diperingkat pra universiti. Jalan penyelesaian yang dicadangkan oleh pihak MARA ini dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya apabila pihak kerajaan melancarkan Dasar Ekonomi Baru ekoran dari berlakunya peristiwa 13 Mei 1969.

³ Su'fean Hussin, *Pendidikan Di Malaysia : sejarah, sistem dan falsafah*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm .37.

Setelah pelancaran DEB, MARA telah memainkan peranan membanyakkan pemberian biasiswa kepada masyarakat Bumiputera. Matlamat MARA ialah sekurang-kurang dalam jangkamasa pendek, MARA dapat melaksanakan matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu mengurangkan kemiskinan dan merapatkan jurang perbezaan antara kaum. Matlamat DEB adalah suatu matlamat yang kritikal untuk dicapai dalam tempoh 20 tahun, bagaimanapun MARA akan cuba sedaya upaya untuk mencapainya. Dalam tempoh perlaksanaan DEB, MARA telah memainkan peranan yang amat penting dalam meninggikan taraf hidup masyarakat Bumiputera terutama dalam aspek pendidikan. Tanggungjawab MARA ialah menyediakan peluang belajar dan latihan yang sebaik-baiknya kepada anak-anak Bumiputera yang kebanyakannya mengalami berbagai masalah seperti masalah pembayaran yuran, masalah pilihan kursus dan juga masalah penempatan dan masalah untuk menyambung pelajaran di peringkat tinggi. Untuk melihat usaha MARA dalam melaksanakan tanggungjawab ini, adalah wajar dilihat peranannya berdasarkan rancangan pembangunan lima tahun yang direncanakan oleh kerajaan dari tahun 1971 – 1990 melalui RMK 2, RMK 3, RMK 4 dan RMK 5. Jadual 66 menunjukkan perkembangan sumbangan MARA dalam usahanya menaja pelajar Bumiputera melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi.

Jadual 66
Bilangan Pengambilan Pelajar RMK 2 – RMK 5

Rancangan Malaysia	Dalam Negeri	Luar Negeri	Jumlah
RMK 2	5,148	2,585	7,733
RMK 3	4,866	2,200	7,066
RMK 4	5,697	5,849	11,546
RMK 5	11,517	3,107	14,624
Jumlah	27,228	13,741	40,969

Sumber : Data Korporat MARA setakat 30.06.98, hlm. 31

Berdasarkan jadual 66, dalam RMK 2; MARA berjaya menaja seramai 7,733 pelajar iaitu seramai 5,148 di dalam negeri dan bakinya seramai 2,585 pelajar ditaja belajar di luar negara. Daripada 7,733 pelajar yang ditaja dalam RMK 2 (1971 – 1975), seramai 1,613⁴ pelajar telah ditaja pada tahun 1971, seramai 1,578⁵ pelajar pada tahun 1972. Seramai 1,361⁶ pelajar pada tahun 1973, 1,784⁷ pelajar pada tahun 1974 dan seramai 1,396⁸ pelajar ditaja pada tahun 1975. Jadual 67 pula menunjukkan secara terpeinci sumbangan MARA dalam pemberian bantuan berasrama dari tahun 1971-1990.

Berdasarkan jadual 67 juga, MARA berjaya menaja seramai 7,066⁹ pelajar dalam RMK 3. Dari jumlah 7,066, seramai 4,866 pelajar ditaja di dalam negeri dan seramai 2,200 pelajar ditaja di luar negara. Kalau berdasarkan penajaan mengikut tahun dalam RMK 3, seramai 1,605¹⁰ pelajar ditaja pada tahun 1976, 1,040¹¹ pelajar pada tahun 1977, 898¹² pelajar pada tahun 1978, 1,925¹³ pelajar pada tahun 1979 dan 1,614¹⁴ pelajar ditaja pada tahun 1980.

⁴ *Penyata Tahunan MARA 1971*, hlm. 4.

⁵ *Penyata Tahunan MARA 1972*, hlm. 11.

⁶ *Penyata Tahunan MARA 1973*, hlm. 10.

⁷ *Penyata Tahunan MARA 1974*, hlm. 15.

⁸ *Penyata Tahunan MARA 1975*, hlm. 10.

⁹ Terdapat perbezaan perangkaan dalam penajaan pelajar dalam RMK 3, maklumat yang diberi oleh Data Korporat MARA setakat 30.06.98, jumlah penajaan dalam RMK 3 ialah seramai 7,066 pelajar, manakala kalau dicampur jumlah penajaan MARA berdasarkan Penyata Tahunan MARA, jumlah penajaan oleh MARA ialah seramai 7,082 pelajar. Bagaimanapun, dalam kajian ini pengkaji mengambil kira laporan terkini ialah data yang dikemukakan oleh *Data Korporat MARA setakat 30.06.1998*.

¹⁰ *Penyata Tahunan MARA 1976*.

¹¹ *Penyata Tahunan MARA 1978*.

¹² *Ibid.*

¹³ *Penyata Tahunan MARA 1979*.

¹⁴ *Penyata Tahunan MARA 1980*.

Jadual 67
Bahagian Penganjuran
Pemberian Biasiswa / Biasiswa Pinjaman Dari 1971 – 1990

Tahun	Tempatan	Luar Negara	Jumlah
1971	-	-	1,613
1972	-	-	1,578
1973	-	-	1,362
1974	-	-	1,784
1975	-	-	1,396
Jumlah RMK 2	-	-	7733
1976	1,033	572	1,605
1977	-	-	1,040
1978	-	-	898
1979	632	1273	1,925
1980	590	1,024	1,614
Jumlah RMK 3			7,082
1981	411	855	1,296
1982	-	-	1,799
1983	-	-	2,877
1984	-	-	2,612
1985	-	-	2,982
Jumlah RMK 4	-	-	11,546
1986	-	-	2,974
1987	-	-	2,170
1988	1,409	342	1,751
1989	1,560	370	1,920
1990	5,330	469	5,799
Jumlah RMK 5	-	-	14,594

Sumber: Diolah berdasarkan Laporan Tahunan MARA 1971 - 1990

Berdasarkan jadual 67 juga, MARA berjaya menaja seramai 7,066⁹ pelajar dalam RMK 3. Dari jumlah 7,066, seramai 4,866 pelajar ditaja di dalam negeri dan seramai 2,200 pelajar ditaja di luar negara. Kalau berdasarkan penajaan mengikut tahun dalam RMK 3, seramai 1,605¹⁰ pelajar ditaja pada tahun 1976, 1040¹¹ pelajar pada tahun 1977, 898¹² pelajar pada tahun 1978, 1,925¹³ pelajar pada tahun 1979 dan 1,614¹⁴ pelajar ditaja pada tahun 1980.

Dalam tempoh pertama perlaksanaan DEB (1971 – 1990), MARA telah terlebih dahulu mencapai matlamat daripada unjurannya. Ini dapat dibuktikan apabila dilihat unjuran MARA dalam RMK 1. Jadual 68 menunjukkan perbandingan unjuran dan pencapaian sebenar biasiswa dan pinjaman MARA dalam RMK 2.

Jadual 68
Perbandingan Unjuran Dan Pencapaian Sebenar
Biasiswa / Pinjaman Tahun 1971 – 1974

Tahun	Dirancang	Pencapaian	Lebih (+)	% lebih
1971	1,300	1,613	+ 313	24.1 %
1972	1,350	1,578	+ 228	16.9 %
1973	1,350	1,362	+ 12	0.9 %
1974	1,650	1,784	+ 134	8.9 %
Jumlah	5,650	6,337	+ 687	12.3 %

Sumber : Penyata Tahunan MARA 1974, hlm.15.

⁹ Terdapat perbezaan perangkaan dalam penajaan pelajar dalam RMK 3, maklumat yang diberi oleh Data Korporat MARA setakat 30.06.98, jumlah penajaan dalam RMK 3 ialah seramai 7,066 pelajar, manakala kalau dicampur jumlah penajaan MARA berdasarkan Penyata Tahunan MARA, jumlah penajaan oleh MARA ialah seramai 7,082 pelajar. Bagaimanapun, dalam kajian ini pengkaji mengambil kira laporan terkini ialah data yang dikemukakan oleh *Data Korporat MARA setakat 30.06.1998*.

¹⁰ *Penyata Tahunan MARA 1976*.

¹¹ *Penyata Tahunan MARA 1978*.

¹² *Ibid.*

¹³ *Penyata Tahunan MARA 1979*.

¹⁴ *Penyata Tahunan MARA 1980*.

Berdasarkan jadual 68, MARA nampak kesungguhan untuk mencapai matlamat DEB. Kesungguhan MARA ini disebabkan masyarakat Bumiputera jauh tertinggal dalam bidang pendidikan berbanding dengan masyarakat bukan Bumiputera. Dalam RMK 2, MARA menganjurkan seramai 6,650 orang pelajar untuk dibiayai samada di bawah program biasiswa atau pinjaman pelajaran. Pencapaian MARA dalam jadual 68 menunjukkan MARA telah mencapai 96.7 % daripada sasarannya. Pencapaian ini amat membanggakan dan menampakkan kesungguhan MARA dalam membantu masyarakat Bumiputera dalam bidang pendidikan.

Merujuk kembali kepada jadual 67, dalam tempoh kedua DEB iaitu dalam RMK4 dan RMK5, MARA menggiatkan lagi usaha membantu masyarakat Bumiputera melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi. Dalam RMK4, MARA membiayai seramai 11,546 orang pelajar iaitu 5,697 pelajar dibiayai untuk melanjutkan pelajaran di dalam negeri dan bakinya seramai 5,849 pelajar dibiayai melanjutkan pelajaran ke luar negara. RMK4 telah mencatat sejarah dalam sejarah pembiayaan pendidikan MARA kerana buat pertama kalinya MARA menaja pelajar di luar negara melebihi daripada pelajar di dalam negeri. Dalam RMK5 pula, MARA membiayai seramai 14,624 pelajar iaitu 11,517 pelajar di dalam negeri dan seramai 3,107 pelajar di luar negara. Dalam tempoh kedua perlaksanaan DEB, MARA telah berjaya menaja pelajar berlipat ganda berbanding dengan Rancangan Malaysia sebelumnya. Jadual 69 menunjukkan perkembangan penajaan pelajar oleh MARA dalam tempoh kedua DEB (1981 – 1990).

Jadual 69

Bahagian Penganjuran Pemberian Biasiswa Dan Biasiswa Pinjaman Dari Tahun 1981 – 1990.

Tahun	1981	1982	1983	1984	1985	1986	1987	1988	1989	1990
	1,296	1,779	2,877	2,612	2,982	2,974	2,170	1,751	1,930	5,799

Sumber : Diolah berdasarkan Laporan Tahunan MARA 1981 – 1990.

Merujuk kepada jadual 69, pada tahun 1981, MARA telah menganjurkan sejumlah 1,296 pelajar. Pada tahun 1982, MARA menaja seramai ¹⁵ 1,779 pelajar dan meningkat kepada 2,877¹⁶ pelajar pada tahun 1983. Pada Tahun 1984, jumlah yang ditaja oleh MARA merosot kepada 2,612¹⁷ pelajar dan meningkat kembali pada tahun 1985 iaitu seramai 2,982¹⁸ pelajar.

Dalam tempoh terakhir DEB (1986 – 1990), jumlah penajaan pelajar semakin berkurangan, misalnya pada tahun 1986, jumlah pelajar yang diberi biasiswa dan pinjaman pelajaran ialah seramai 2,974¹⁹ dan berkurangan kepada 2,170²⁰ pelajar pada tahun 1987. Jumlah penajaan pada tahun 1988 ialah seramai 1,751²¹ pelajar dan pada tahun 1989, MARA menaja seramai 1,930²² pelajar. Pada tahun 1990, jumlah penajaan

¹⁵ Penyata Tahunan MARA 1982, hlm. 6.

¹⁶ Penyata Tahunan MARA 1983, hlm. 13.

¹⁷ Penyata Tahunan MARA 1984, hlm. 13.

¹⁸ Penyata Tahunan MARA 1985, hlm. 12.

¹⁹ Penyata Tahunan MARA 1986, hlm. 9.

²⁰ Penyata Tahunan MARA 1987, hlm. 11.

²¹ Penyata Tahunan MARA 1988, hlm. 8.

²² Penyata Tahunan MARA 1989, hlm. 7.

pelajar oleh MARA ialah seramai 5,799²³ pelajar. Peningkatan penajaan yang amat ketara pada tahun 1990 kerana 1990 ialah tahun akhir perlaksanaan DEB. Malang bagi MARA dalam RMK5 kerana pada ketika ini negara Malaysia dilanda kemelesetan ekonomi, justeru itu jumlah penajaan semakin berkurangan dari tahun 1986 hingga 1989 kecuali tahun 1990. Walaupun kemelesetan ekonomi melanda negara, MARA terus memainkan peranan sebagai pemegang amanah untuk memajukan rakyat dan sekaligus meninggikan taraf hidup mereka. Oleh itu tidak hairanlah dalam tempoh yang singkat iaitu dari tahun 1971 – 1990, MARA telah berjaya memberi kemudahan biasiswa dan pinjaman pelajaran kepada 40,969 pelajar. Kalau dikira dari permulaan penubuhan MARA, MARA berjaya membantu seramai 44,055 pelajar Bumiputera. Pencapaian MARA menaja 44,055 pelajar ini membuktikan ia berjaya melaksanakan usul Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama pada tahun 1965.

Merujuk kepada jadual 67, kita boleh melihat kejayaan MARA dalam menaja pelajarnya belajar di luar negara. Pelajar-pelajar yang dihantar belajar keluar negara semakin meningkat sepanjang perlaksanaan Rancangan Malaysia. Sebelum pelancaran DEB, MARA hanya berjaya menaja seramai 916 pelajar sahaja dengan purata 184 pelajar setahun. Setelah DEB dilaksanakan, MARA berjaya menghantar pelajar-pelajarnya keluar negara seramai 13,741 atau 33.5% dari jumlah pelajar tajaannya seramai 40,969 pelajar dengan purata 687 orang setahun. Sementara pelajar yang belajar dalam negeri dalam tempoh perlaksanaan DEB, MARA berjaya menaja seramai 27,228 pelajar atau 66.5% dengan purata 1,361 pelajar sahaja dengan purata 434 pelajar setahun.

²³ *Penyata Tahunan MARA 1990*, hlm. 16.

Apabila ditinjau bidang kursus yang dibiayai oleh MARA untuk pelajar tajaannya, maka hasrat Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama telah ditunaikan oleh MARA. Bagaimanapun pada peringkat awal penubuhan MARA, MARA tidak diberi tanggungjawab besar untuk melaksanakan usul kongres kerana jumlah peruntukan yang diperuntukkan amat sedikit.²⁶ Namun begitu setelah berlaku rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, MARA telah diberi kepercayaan untuk melatih, membimbing dan melahirkan graduan Bumiputera dalam bidang profesional. Keadaan ini dapat dibuktikan apabila kita melihat jadual 70.

Jadual 70
Penganjuran MARA
Jumlah Penganjuran MARA Mengikut Kursus Dari RMK 1 – RMK 5

Kursus	RMK 1	RMK 2	RMK 3	RMK 4	RMK 5	Jumlah (RMK 2 – RMK 5)
Akauntan	62	74	364	287	1,142	1,867
Arkitek	117	113	303	538	397	1,351
Sains Gunaan/Teknologi	38	26	175	9	0	210
Sastera / Kemanusiaan	1,299	3,427	1,029	758	61	5,275
Jurutera	261	399	679	1,505	2,598	5,181
Pendidikan	5	33	326	842	142	1,333
Statistik / Matematik	21	215	996	669	988	2,859
Perubatan	132	241	184	232	180	837
Pra-universiti	12	881	301	2,941	3,817	7,940
Sains / Sains Pertanian	439	1,200	1,211	1,081	1,217	4,646
Pengurusan/Pentadbiran	685	1,060	1,300	2,732	3,032	8,124
Undang-undang	14	64	208	24	1,050	1,346
Lain-lain						
Jumlah	3,086	7,733	11,546	14,624	40,969	

Sumber : MARA, *The New Economic Policy 1971 – 1990*

²⁶ Sebagai bukti, dalam Rancangan Malaysia Pertama, MARA diperuntukkan sebanyak RM17.5 juta tetapi dalam Rancangan Malaysia Kedua, MARA mendapat peruntukan keseluruhan sebanyak RM 42.2 juta. Perbezaan peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa setelah berlakunya peristiwa 13 Mei 1969, kerajaan terlalu prihatin untuk membantu masyarakat Bumiputera.

Berdasarkan jadual 70, peranan MARA dalam membanyakkan golongan profesional Bumiputera dapat dilihat dengan jelas dalam perlaksanaan DEB. Dalam Rancangan Malaysia Pertama, MARA menaja 63 pelajar dalam bidang perakaunan, 117 pelajar dalam bidang Arkitek, 38 pelajar dalam bidang Sains Gunaan dan Teknologi. 1,200 pelajar dalam bidang pengajian Sastera dan Kemanusiaan, 261 pelajar dalam bidang Kejuruteraan, 5 pelajar mengambil kursus Pendidikan, 21 pelajar dalam bidang Statistik dan Matematik, 132 pelajar dalam bidang Perubatan, 12 pelajar dalam bidang pengajian Pra-Universiti, 439 pelajar dalam bidang Sains dan Sains Pertanian, 685 pelajar dalam bidang Pengurusan, Pentadbiran dan Undang-Undang dan 14 pelajar dalam lain-lain bidang pengajian.

Jadual 70 juga menunjukkan pelajar Bumiputera lebih ramai dalam bidang Sastera dan Kemanusiaan, iaitu seramai 1,299 pelajar dari jumlah 3,086 pelajar yang ditaja oleh MARA dalam RMK 1. Jumlah tajaan yang besar dalam bidang Sastera dan Kemanusiaan menunjukkan bahawa pelajar Bumiputera terlalu lemah dalam matapelajaran Matematik dan Sains. Justeru itu wujudlah ketidakseimbangan dalam bidang profesional antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera.²⁷ Walaupun wujud kesedaran di kalangan masyarakat Bumiputera akan kelemahan ini tetapi perkembangan pendidikan dewasa itu tidak mampu menolong anak-anak Bumiputera mencapai kelulusan tinggi dalam bidang

²⁷ Abu Bakar Nordin, "Sejarah Pendidikan Kebangsaan: dlm. Abu Bakar Nordin, *Reformasi Pendidikan: Dalam Menghadapi Cabaran 2020*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur , 1994, hlm 3.

Sains dan Matematik,²⁸ apakah lagi dalam bidang profesional yang memerlukan kepakaran Sains dan Matematik.

Dalam era 1960-an, tumpuan pembangunan pendidikan ialah ke arah menyediakan kemudahan asas yang dirasai amat berkurangan. Dengan ini peranan pembangunan pendidikan masih tidak dapat menyumbang terhadap pembentukan sebuah negara yang benar-benar memberi keadilan kepada seseorang warganegara. Ketidakseimbangan kedudukan antara orang Melayu dengan bukan Melayu dan antara penduduk luar bandar dengan bandar telah mengancam kesetabilan dan keamanan negara. Ekoran ketidakseimbangan ini, antara faktor meletus peristiwa 13 Mei 1969 yang kemudiannya membawa kepada perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Dengan terlaksana Dasar Ekonomi Baru yang menjadikan pendidikan sebagai pokok kepada pencapaian matlamat pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, maka peranan MARA ialah membanyakkan graduan Bumiputera dalam bidang profesional selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.²⁹

Jadual 70 menunjukkan usaha MARA dalam bidang penganjuran semasa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Dalam tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, MARA telah menaja seramai 1,867 pelajar dalam bidang Perakaunan, 1,351 pelajar

²⁸ Ketidakmampuan Bumiputera dalam bidang Sains dan Matematik kerana kerajaan pada zaman permulaan kemerdekaan lebih menjadikan pendidikan sebagai alat kepada perpaduan. Penyata Razak melihat pendidikan secara menyeluruh merupakan satu kompromi dari segi perlaksanaan dan bukan satu dasar pokok yang mesti ditunaikan terutama mengenai masalah Bahasa Kebangsaan. Tujuan kerajaan pada masa itu ialah untuk mencadangkan satu dasar pelajaran yang boleh diterima oleh semua penduduk dan bukan bercakap mengenai keseimbangan kaum dalam bidang-bidang tertentu.

²⁹ Matlamat kerajaan dalam Dasar Ekonomi Baru ialah mencapai sekurang-kurangnya 30% Bumiputera dalam tenaga kerja profesional.

dalam bidang Arkitek, 210 pelajar dalam bidang Sains Gunaan dan Teknologi, 5,275 pelajar dalam bidang kursus Sastera dan Kemanusiaan, 5,181 pelajar dalam bidang Kejuruteraan, 1,333 pelajar dalam bidang Pendidikan, 2,859 pelajar dalam bidang Perangkaan dan Matematik, 837 pelajar dalam bidang Perubatan, 7,940 pelajar dalam pengajian Pra Universiti, 4,646 pelajar dalam bidang Sains dan Sains Pertanian, 8,124 pelajar dalam bidang Pengurusan, Pentadbiran dan Undang-Undang dan 1,346 pelajar ditaja dalam lain-lain bidang pengajian.

Merujuk kepada jadual 70 juga, antara kursus yang menarik perhatian MARA ialah dalam bidang Pengurusan, Pentadbiran dan Undang-Undang. Dalam bidang ini, MARA telah menaja seramai 8,124 pelajar atau 19.8% daripada jumlah tajaan MARA seramai 40,969 dalam tempoh perlaksanaan DEB. Lain-lain kursus yang diberi keutamaan oleh MARA ialah kursus Kejuruteraan (5,181 pelajar atau 12.7%), dan kursus Sains dan Sains Pertanian (4,646 pelajar atau 11.3%). Kursus Sastera dan Kemanusiaan juga melibatkan ramai pelajar iaitu seramai 5,275 pelajar tetapi yang menarik di sini ialah MARA mengurangkan jumlah mengikut Rancangan Malaysia. Contohnya dalam Rancangan Malaysia Kedua, MARA menaja seramai 3,427 pelajar dalam bidang Sastera dan Kemanusiaan, tetapi berkurangan kepada 1,029 pelajar dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Jumlah tajaan dalam bidang Sastera dan Kemanusiaan menurun lagi kepada 758 pelajar dalam Rancangan Malaysia Keempat dan dalam Rancangan Malaysia Kelima, MARA hanya menaja seramai 61 orang pelajar sahaja. Jumlah tajaan kursus Sastera dan Kemanusiaan semakin menurun mengikut rancangan pembangunan lima tahun negara kerana kejayaan kerajaan membuka kelas aliran sains di

sekolah menengah. Subjek Sains dan Matematik bukan lagi sesuatu yang sukar untuk dikuasai malah ramai pelajar Bumiputera yang lulus cemerlang dalam matapelajaran tersebut. Kejayaan mereka dalam kedua-dua subjek ini telah memudahkan mereka mendapat tajaan MARA dalam kursus profesional. Justeru itu, jumlah pelajar Bumiputera yang ditaja dalam bidang Sastera dan Kemanusiaan semakin berkurangan dan kekurangan ini diisi oleh pelajar yang cemerlang dalam bidang Sains dan Matematik.

Satu perkara yang menarik dalam tajaan MARA ialah MARA memberi perhatian yang serius dalam pengajian Pra Universiti. Dalam tempoh perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru, seramai 7,940 pelajar telah diberi kemudahan oleh MARA dalam program tersebut. Program ini diwujudkan kerana pada tahun 1960-an, tidak ramai pelajar yang lulus dalam peperiksaan HSC/STP terutamanya dalam aliran Sains. Bagi mengelakkan pelajar Bumiputera gagal di pertengahan jalan, program Pra Universiti diwujudkan. Pelajar-pelajar Sains yang cemerlang pada peringkat SPM disalurkan kepada program Pra Universiti samada dalam negeri maupun program di luar negara. Dengan wujudnya program ini, MARA berjaya menghantar pelajar Bumiputera ke peringkat universiti tanpa menduduki peperiksaan HSC/STP. Program ini telahpun dilancarkan sebagai percubaan dalam Rancangan Malaysia Pertama. Dalam tempoh ini, MARA hanya menaja seramai 12 orang pelajar sahaja dalam pengajian Pra Universiti. Oleh kerana program ini amat berjaya, maka dalam tempoh perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru, MARA telah menggiatkan lagi *program ini*.

Sebagaimana dinyatakan sebelum ini, matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah menghapuskan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Salah satu cara menghapuskan kemiskinan ialah melalui pendidikan. Melalui pendidikan, seseorang itu boleh menyesuaikan dirinya dari segi fizikal, mental, emosi, moral dan kerohanian kepada keadaan semasa dan setempat. Melalui pendidikan juga seseorang itu boleh mengubah kehidupannya kepada kehidupan yang lebih sempurna. Namun begitu kebanyakan penduduk Bumiputera hidup dalam kemiskinan dan pendidikan pula memerlukan perbelanjaan yang besar. Oleh itu untuk menyelesaikan masalah ini, MARA adalah satu-satunya badan yang boleh membantu masyarakat Bumiputera mengubah nasib kehidupan dari kemiskinan kepada kehidupan yang lebih sempurna.

Jadual 71 dan jadual 72 menunjukkan peranan MARA dalam usaha mengubah nasib Bumiputera dan sekaligus untuk membasmi kemiskinan. Dalam jadual 71, MARA telah membuat kajian rambang ke atas 23,382 pelajar tajaannya untuk melihat kaitan pemberian biasiswa dengan angkubah latarbelakang keluarga seperti pendapatan keluarga dan lokasi penempatan pelajar. Kajian rambang ini amat penting untuk melihat peranan dan sumbangan MARA dalam membantu masyarakat Bumiputera yang tidak berupaya menanggung perbelanjaan anaknya, terutama dalam meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Jadual 71
Pembahagian Penganjuran Berdasarkan Pendapatan Keluarga Pelajar.

Pendapatan (Bulanan)	RM 1	RM 2	RM 3	RM 4	RM 5	Jumlah RM2-RM3	Peratus
0-99	209	809	296	871	922	2,890	12.4%
100-199	104	594	405	495	471	1,965	8.4%
200-399	109	529	675	2,208	3,160	6,572	28.1%
400-699	54	303	401	1,896	2,573	5,175	22.1%
700-1499	42	185	415	1,861	2,451	4,912	21.0%
1500-2999	6	53	114	485	547	1,299	5.6%
3000-5999	1	9	46	204	222	481	2.0%
Lebih 6000	0	1	10	20	59	90	0.4%
Jumlah	526	2,475	2,362	8,040	10,505	23,382	100%

Sumber : MARA, The New Economic Policy 1971-1990

Perangkaan yang terdapat dalam jadual 71 menunjukkan usaha gigih oleh MARA membantu keluarga Bumiputera miskin³⁰ dan berpendapatan rendah untuk menghantar anak mereka melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi. Dalam konteks negara, ukuran kemiskinan berdasarkan pendapatan mutlak ialah mereka yang kurang dari RM 600.00 sebulan.³¹ Justeru itu, kalau kita merujuk kepada jadual 71, hampir 80% dari penuntut yang menerima biasiswa dan pinjaman MARA adalah golongan yang datang

³⁰ Mengikut Husin Ali "kemiskinan merupakan keadaan di mana kekurangan mendapatkan keperluan asasi iaitu makanan, perumahan dan kemudahan serta pakaian dan kemudahan socsal seperti air, api, hospital serta sekolah; dari segi ekonomi keadaan ini timbul sebab ketiadaan atau kekurangan kemampuan disebabkan oleh tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah; dari segi social golongan yang dikatakan miskin itu menduduki lapisan bawahan dalam susunlapis masyarakat". S. Husin Ali, *Kemiskinan Dan Kelaparan Tanah Di Kelantan*, Karangkarf Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1978, hlm. 5.

³¹ Ibid, hlm. 5, ukuran ini berdasarkan ukuran dalam Rancangan Malaysia kedua. Ukuran kemiskinan ini sentiasa berubah berdasarkan situasi semasa negara. Dalam Rancangan Malaysia Kelima, keluarga yang dikatakan miskin ialah keluarga yang menerima pendapatan kurang daripada RM800.00.

dari keluarga berpendapatan kurang dari RM700.00 sebulan. MARA mengutamakan bantuan kepada keluarga miskin kerana MARA percaya bahawa dengan bantuan pendidikan yang diberikan, akan lahir masyarakat Bumiputera dari kalangan keluarga miskin yang berpendidikan tinggi yang mampu mengubah struktur masyarakatnya sendiri dan berjaya mencipta dan membuka peluang-peluang pekerjaan yang baru kepada masyarakatnya dan usaha ini sekaligus akan membasmi kemiskinan masyarakat berpendapatan rendah.

Di samping memberi peluang kepada masyarakat Bumiputera yang berpendapatan rendah menikmati bantuan pendidikan, MARA juga mempastikan bahawa bantuan yang diberikan akan sampai ke kelompok sasaran samada kepada keluarga miskin di luar bandar atau keluarga miskin di bandar. Jadual 72 menunjukkan pembahagian pemberian biasiswa mengikut penempatan samada di bandar atau di luar bandar.

Jadual 72
Penganjuran Pelajaran Mengikut Penempatan Keluarga Pelajar

Penempatan	RMK 1	RMK 2	RMK 3	RMK 4	RMK 5	Jumlah RMK1-RMK 5	Peratus
Luar Bandar	404	1,784	1,469	5,427	7,225	15,905	68%
Bandar	121	691	893	2,613	3,280	7,477	32%
Jumlah	525	2,475	2,362	8,040	10,505	23,382	100%

Sumber: *MARA, The New Economic Policy 1971 – 1990.*

Berdasarkan jadual 72, daripada 525 pelajar yang dianalisis oleh MARA sebelum perlaksanaan DEB, MARA telah memberi bantuan pendidikan kepada 404 penuntut yang datangnya dari luar bandar dan bakinya seramai 121 penuntut adalah dari kawasan bandar. Setelah perlaksanaan DEB, dari seramai 23,382 penuntut tajaan MARA yang dianalisis, seramai 15,990 atau 68% yang ditaja oleh MARA adalah datang dari kawasan luar bandar dan 7,477 pelajar atau 32% adalah pelajar yang datang dari kawasan bandar. Dari perangkaan tersebut, jelaslah MARA mengutamakan masyarakat luar bandar dalam usahanya menghapuskan kemiskinan. Namun demikian penduduk miskin dari kawasan bandar tidak juga diabaikan.

Jadual 73 menunjukkan penganjuran MARA berasaskan pendapatan keluarga dan perkaitan dengan kawasan penempatan. Dalam jadual ini, kita dapat bahawa MARA mengutamakan golongan berpendapatan rendah tinggal di kawasan luar bandar. Ini disebabkan majoriti penduduk berpendapatan rendah tinggal di kawasan luar bandar, namun demikian penduduk miskin di bandar juga diberi peluang untuk menikmati kemudahan yang disediakan oleh MARA.

Jadual 73
Pemberian Biasiswa/Pinjaman Kepada Pelajar Berdasarkan Pendapatan Keluarga
Dan Kawasan Penempatan.

Pendapatan	RM	1 LB	RM B	2 LB	RM B	3 LB	RM B	4 LB	RM B	5 LB	B	2-5 LB
0-99		183	109	692	76	221	235	636	248	674	667	2223
100-199		90	90	504	55	350	57	438	56	415	258	1707
200-399		78	178	351	178	499	341	1867	326	2834	1021	6551
400-699		39	128	175	198	207	626	1270	793	1780	1741	3432
700-1499		12	131	54	251	184	899	992	1174	1277	2425	2487
1500-2999		1	45	8	95	19	318	167	454	193	912	387
3000-5999		1	9	0	39	7	155	49	179	43	382	99
>6000		0	1	0	8	2	12	8	50	9	71	19
Jumlah		404	691	1784	893	1469	2613	5427	3280	7225	7477	15905

Sumber : MARA: The New Economic Policy 1971-1990

Petunjuk: LB – Luar Bandar

B - Bandar

Dalam jadual 73, daripada 23,832 pelajar yang telah dianalisis mengenai latarbelakang keluarga mereka, seramai 2,223 pelajar luar bandar yang datang dari keluarga yang berpendapatan kurang dari RM99.00 dan 667 pelajar dari kawasan bandar yang mempunyai jumlah pendapatan yang sama telah diberi bantuan pendidikan oleh MARA semasa perlaksanaan DEB (1971-1990). Seramai 1,707 pelajar dari luar bandar dan 258 pelajar dari kawasan bandar yang pendapatan keluarga antara RM100- RM199 sebulan telah dibiayai oleh MARA. Seramai 5,551 pelajar luar bandar dan 1,021 pelajar dari kawasan bandar yang pendapatan keluarga antara RM200-RM399 sebulan juga telah dibiayai oleh MARA. MARA juga membantu keluarga yang berpendapatan antara RM400-RM699 sebulan yang melibatkan seramai 3,432 pelajar luar bandar dan 1741 dari kawasan bandar. Seramai 2,487 pelajar luar bandar dan 2,425 pelajar dari kawasan bandar yang keluarga mereka berpendapatan antara RM700- RM1,499 sebulan telah

diberi kemudahan biasiswa dan pinjaman oleh MARA. MARA juga membantu golongan yang berpendapatan tinggi, misalnya seramai 118 pelajar luar bandar dan 453 pelajar dari bandar yang berpendapatan keluarganya lebih dari RM3,000.00 sebulan.

Merujuk kepada jadual 73, dapatlah dirumuskan bahawa peranan MARA bukan setakat membantu golongan miskin di luar bandar dan bandar sahaja tetapi juga memberi peluang kepada golongan masyarakat Bumiputera yang berpendapatan sederhana dan tinggi. Ukuran utama pertolongan MARA ialah berdasarkan pencapaian terbaik dalam peperiksaan SPM/MCE, STP/HSC dan ujian pra universiti. Justeru itu, semua pelajar layak menerima bantuan MARA tetapi keutamaan kepada penuntut yang terbaik yang datangnya dari keluarga yang tidak berada.

Jadual 74 pula menunjukkan pelajar yang telah tamat pengajian dari tempoh 1966-1990 mengikut rancangan pembangunan lima tahun kerajaan.

Jadual 74
Penganjuran MARA : Pelajar Tamat Dari 1966-1990

Perkara	RMK1(1966-70)	RMK2(1971-75)	RMK3(1976-80)	RMK 1981-80	RMK5 (1986-90)
Dalam Negari	341	4,039	5,373	4,197	5,495
Luar Negara	144	2,028	2,568	2,990	2,481
Jumlah	485	6,067	7,941	7,167	7,976

Sumber: Diubahsuai Dari Data Korporat MARA Setakat 30.06.98, hlm. 33.

Berdasarkan jadual 74, dalam RMK 1 seramai 341 pelajar tajaan MARA di dalam negeri dan 144 pelajar luar negara. Pelajar MARA yang tamat semakin meningkat dalam Rancangan Malaysia Kedua iaitu seramai 4,039 orang di dalam negeri dan seramai 2,028 pelajar di luar negara. Jumlah pelajar MARA yang tamat terus meningkat mengikut rancangan pembangunan negara, misalnya dalam Rancangan Malaysia Ketiga, seramai 5,373 pelajar telah tamat pengajian di dalam negara dan 2,586 pelajar telah tamat pengajian dari luar negara. Dalam Rancangan Malaysia Keempat pula, seramai 4,197 pelajar telah tamat pengajian di dalam negara dan seramai 2,990 pelajar di luar negara. Sementara itu dalam Rancangan Malaysia Kelima 5,495 seramai pelajar menamatkan pengajian mereka dalam negeri dan 2,481 di luar negara.

Merujuk kepada jadual 74 juga, MARA berjaya menghasilkan 29,636 graduan dalam pelbagai bidang pengajian dalam tempoh 1966-1990. Daripada 29,636 pelajar yang tamat pengajian di bawah program anjuran MARA, seramai 19,435 telah tamat belajar di dalam negeri dan bakinya seramai 9,011 telah menamatkan pengajiannya dari seberang laut. Kalau diteliti perangkaan pelajar tamat di bawah program anjuran MARA dalam jadual 74, terdapat perbezaan yang amat nyata dari segi jumlah antara pelajar tamat sebelum perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru dengan semasa perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Dalam RMK 1, pelajar yang tamat hanya 485 pelajar sahaja tetapi semasa pelancaran Dasar Ekonomi Baru dari RMK 2 hingga RMK 5, MARA berjaya menghasilkan seramai 28,451 pelajar iaitu purata seramai 7,112 pelajar dalam setiap rancangan pembangunan. Kejayaan MARA menghasilkan jumlah siswazah yang ramai

dalam RMK 2 hingga RMK 5 menunjukkan MARA berusaha sedaya upaya untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru melalui program pendidikan. Tugas ini dilakukan kerana MARA diberi kepercayaan dan amanat oleh kerajaan untuk melahirkan tenaga profesional Bumiputera melalui program penganjuran pelajaran. Walaupun semasa RMK 1, MARA hanya mengeluarkan jumlah pelajar yang kecil berbanding dengan rancangan pembangunan selepasnya, usaha MARA dalam RMK 1 tidak boleh dipertikaikan kerana pada ketika itu, MARA hanyalah satu-satunya organisasi Bumiputera yang cuba membela ketinggalan masyarakat Bumiputera dalam pelbagai bidang pendidikan.

Dalam tempoh kewujudannya dari tahun 1966-1990, MARA telah menaja seramai 44,055 pelajar dan dalam tempoh tersebut seramai 29,636 pelajar tajaan MARA tamat pengajian. Jadual 75 menunjukkan jumlah pembiayaan yang dikeluarkan oleh Bahagian Penganjuran MARA untuk membiayai seramai 44,055 pelajar tajaannya melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi samada di dalam negeri atau di luar negeri.

Jadual 75
Pembiayaan Pelajar Oleh Bahagian Penganjuran Mara
Dari Tahun 1966-1990.

	RMK2 (1971-75)	RMK3 (1976-80)	RMK4 (1981-85)	RMK5 (1986-90)
Biasiswa	RM27,301,623	RM128,633,160	RM474,013,834	RM257,998,000
Pinjaman	RM34,367,784	RM40,928,500	RM205,082,976	RM726,951,711
Perbelanjaan	RM61,669,407	RM169,561,660	RM679,096,810	RM927,376,000

Sumber: MARA, The New Economic Policy 1971-1990.

Berdasarkan jadual 75, dalam RMK2 (1971-1975); MARA membelanjakan sebanyak RM27,301,623.00 untuk program basiswa dan sebanyak RM34,367,784.00 untuk program pinjaman pendidikan. Justeru itu, dalam RMK2, MARA membelanjakan sebanyak RM61,699,407.00 untuk program penganjuran pendidikan. Jumlah perbelanjaan meningkat kepada RM169,561,660.00 dalam RMK3. Dari RM169,561,660.00 yang dibelanjakan MARA, sebanyak RM128,633,160.00 untuk program basiswa dan bakinya 40,928,500.00 untuk program pinjaman pendidikan. Jumlah pembiayaian oleh MARA semakin meningkat dalam RMK4 dan RMK5. Perbelanjaan penganjuran dalam RMK4 ialah sebanyak RM679,096,810.00 dan dalam RMK5 ialah sebanyak RM927,376,000.00. Perbelanjaan untuk program basiswa dalam RMK4 ialah sebanyak RM474,013,834.00 dan sebanyak RM205,082,976.00 untuk program pinjaman pelajaran. Dalam RMK5 pula, jumlah pembiayaian untuk program basiswa ialah sebanyak RM257,998.00 dan untuk program pinjaman pendidikan ialah sebanyak RM726,376,000.00. Secara keseluruhannya, MARA membelanjakan sebanyak RM1,837,703,877.00 dalam tempoh perlaksanaan DEB dari tahun 1971-1990 yang melibatkan seramai 40,969 pelajar. Kalau dibandingkan dengan RMK1, MARA hanya membelanjakan sebanyak RM16,185,683.00 yang melibatkan seramai 3,066 pelajar..

Di samping berperanan sebagai badan penganjuran pendidikan, MARA juga terlibat dengan pendidikan formal. Pendidikan formal yang diberi oleh MARA ialah melalui dua bidang pendidikan iaitu pendidikan akademik kepada anak-anak Bumiputera yang cemerlang adalah bidang akademik dan pendidikan dalam bentuk latihan kemahiran kepada anak-anak Bumiputera yang kurang cemerlang dalam akademik. Sebelum Dasar

Ekonomi Baru dilaksanakan, kebanyakan pelajar tidak dapat menghabiskan persekolahan mereka di peringkat sekolah rendah, apatah lagi di peringkat sekolah menengah. Keadaan ini berlaku kerana kebanyakan keluarga masyarakat Bumiputera menghadapi masalah kewangan untuk menampung pembiayaan buku-buku dan belanja harian anak-anak mereka. Keadaan ini ditambah lagi dengan kedudukan sekolah menengah yang jauh daripada tempat tinggal mereka. Pada tahun 1970, hanya beberapa sekolah menengah sahaja yang menyediakan asrama untuk tempat tinggal pelajar-pelajar dari luar bandar dan kalau adapun yang boleh tinggal *di asrama* adalah tidak banyak dan mereka yang terpilih belajar di sekolah tersebut ialah pelajar-pelajar yang cemerlang dan tempat pula terhad.

Atas hakikat keterbatasan pelajar yang cemerlang untuk meneruskan pengajian di sekolah berasrama penuh, kerajaan dengan niat untuk membantu anak-anak cemerlang dalam bidang akademik yang datangnya dari golongan yang berpendapatan rendah. MARA telah menujuhkan Maktab Rendah Sains MARA.³² Tujuannya untuk membantu pelajar-pelajar luar bandar yang cemerlang untuk meneruskan pengajian di bidang sains dan teknologi.³³ Hasrat MARA untuk menujuhkan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) pada lewat 1960-an tidak berjaya kerana masalah penyediaan kemudahan pembelajaran, bagaimanapun apabila DEB dilancarkan pada tahun 1970, MARA telah mengambil tindakan segera menujuhkan MRSM. Sasaran utama penubuhan MRSM ialah menyediakan peluang persekolahan berasrama penuh kepada

³² Public Relation Unit, MARA In Brief, Federal Stationers, Disember 1079, hlm. 15.
³³ *Ibid*, hlm. 16.

anak-anak Bumiputera yang cemerlang pencapaian akademik pada peringkat sekolah rendah.³⁴ Bagaimanapun keutamaan diberikan kepada anak-anak cemerlang dalam akademik yang datangnya dari luar bandar dan pendapatan keluarga yang kurang daripada RM500.00 sebulan.

MRSM pertama ditubuhkan ialah MRSM Seremban pada tahun 1972, kemudiannya MRSM Kota Bharu yang dikenali sebagai MRSM Pengkalan Chepa pada tahun 1973. Seterusnya MRSM ketiga pula ditubuhkan di Kuantan pada tahun 1974. Penubuhan ketiga-tiga MRSM ini dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Seterusnya MARA membina 3 buah lagi MRSM dalam Rancangan Malaysia Ketiga iaitu MRSM Kulim, Kedah pada tahun 1977, MRSM Kuala Terengganu, Terengganu pada tahun 1978 dan MRSM Muar, Johor pada tahun 1980. MARA meneruskan lagi usahanya menubuhkan 5 buah MRSM dalam Rancangan Malaysia Keempat iaitu MRSM Jasin, Melaka (1981), MRSM Taiping, Perak (1982), MRSM Balik Pulau, Pulau Pinang (1982), MRSM Terendak, Melaka (1983) dan MRSM Beseri, Perlis (1985). Dalam Rancangan Malaysia Kelima, MARA telah menambahkan 3 buah MRSM lagi iaitu MRSM Kuala Berang, Terengganu (1987), MRSM Jelebu, Negeri Sembilan(1987), dan MRSM Pasir Tumbuh, Kelantan (1987). Justeru itu, dalam tempoh perlaksanaan DEB, MARA telah berjaya menubuhkan 14 buah MRSM di seluruh Malaysia kecuali Selangor, Sarawak dan Sabah. Dengan tertubuhnya MRSM, anak-anak Bumiputera yang cemerlang mempunyai pilihan untuk belajar di sekolah berasrama

³⁴ Cawangan Penubuhan Awam MARA, MARA Percetakan Adabi, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 7.

penuh. Sebelum ini mereka tidak mempunyai pilihan selain sekolah berasrama penuh yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Justeru itu, dapatlah dikatakan MRSM adalah sebagai alternatif kepada pelajar-pelajar cemerlang yang tidak berjaya memasuki sekolah berasrama penuh milik kerajaan. Jadual 76 menunjukkan pengambilan pelajar oleh MARA untuk memasuki MRSM dari tahun 1972-1990 mengikut Rancangan Malaysia.

Jadual 76
Pengambilan Pelajar MRSM Dari Tahun 1972-1990

Jangkamasa	Pengambilan	Permohonan	Tamat
1972-1975	1264	2810	
1976-1980	3407	11,783	1,283
1981-1985	6417	28,561	4,366
1986-1990	8037	41,755	10,095
Jumlah	19,125	84,909	15,744

Sumber: MARA; *The New Economic Policy 1971-1990*.

Merujuk kepada jadual 76, pada tahun 1972-1975, seramai 2,810 pelajar telah memohon memasuki MRSM. Daripada jumlah tersebut, 44.9% atau seramai 1,264 pelajar telah diterima belajar di MRSM. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980), seramai 3,407 atau 28.9% daripada 11,783 pelajar yang memohon memasuki MRSM telah diterima belajar. Dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) pula, seramai 28,561 pelajar telah memohon memasuki MRSM tetapi yang berjaya ialah 22.5% atau seramai 6,417 pelajar. Seterusnya seramai 41,755 pelajar memohon memasuki MRSM dalam Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) tetapi seramai 8,037 pelajar atau 19.2%

yang berjaya daripada jumlah permohonan. Sejak terlaksana sistem MRSM, seramai 84,909 pelajar telah memohon MRSM tetapi yang berjaya ialah seramai 19,125 pelajar atau 22.5% daripada jumlah permohonan.

Merujuk kepada jadual 76 juga, pelajar tamat semakin meningkat dari tahun ke setahun. Misalnya pada permulaan MRSM iaitu dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980), pelajar yang tamat dari MRSM ialah seramai 1,283 orang. Dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), jumlah pelajar tamat telah meningkat kepada 4,366 dan meningkat kepada 10,095 dalam Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990). Dari tempoh 1971-1990, MARA telah berjaya memberi pendidikan formal kepada 19,125 anak-anak Bumiputera yang cemerlang dan dalam tempoh yang sama seramai 15,744 pelajar telah menamatkan pengajian mereka di MRSM.

Menyentuh mengenai pekerjaan bapa atau penjaga pelajar-pelajar yang dipilih memasuki MRSM, MARA mengutamakan golongan yang berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan luar bandar. Jadual 77 menunjukkan latarbelakang keluarga pelajar yang berjaya memasuki MRSM mengikut pekerjaan.

Jadual 77
Latarbelakang Keluarga Pelajar mengikut Pekerjaan

Pekerjaan bapa	Peratusan pengambilan
Guru	20%
Pegawai Kerajaan	20%
Petani/Nelayan	25%
Peniaga	15%
Pesara Kerajaan	07%
Swasta	07%
Bekerja Sendiri	03%
Peneroka FELDA	03%

Sumber : MARA; The New Economic Policy 1971-1990.

Jadual 77 menunjukkan pengambilan pelajar berdasarkan pekerjaan bapa atau penjaga. Dalam jadual ini, 20% dari kalangan bapa atau penjaga bekerja sebagai guru; 20% daripada pegawai kerajaan. Manakala golongan petani, MARA mengambil sebanyak 25% dan bagi keluarga yang berniaga pula sebanyak 15% dan masing-masing 7% bagi keluarga pesara kerajaan dan yang bekerja di sektor swasta. Sebanyak 3% pelajar adalah datangnya dari keluarga yang bekerja sendiri dan anak-anak peneroka FELDA.

Dari segi jumlah pendapatan keluarga, 25% daripada pelajar MRSM adalah terdiri daripada keluarga yang berpendapatan kurang dari RM500.00 sebulan dan 20.5% pelajar pula datang daripada keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM1000.00 sebulan. Sejumlah 30.3% pelajar MRSM pula terdiri daripada pelajar yang datangnya daripada keluarga yang berpendapatan antara RM1,000.00-RM2,999.00 dan bakinya 24.2% pelajar MRSM adalah datang daripada keluarga berpendapatan lebih daripada

RM3,000.00 sebulan. Berdasarkan jumlah pendapatan keluarga, MRSM hanya memberi peluang pendidikan kepada 45.5% yang datang daripada keluarga berpendapatan kurang daripada RM1000.00 sebulan manakala 55.5% lagi adalah pelajar daripada keluarga yang mempunyai pendapatan lebih daripada RM1,000.00 sebulan. Ini bermakna MRSM bukan sahaja setakat membantu keluarga yang berpendapatan rendah tetapi memberi peluang juga kepada mereka yang berpendapatan sederhana dan tinggi. MRSM memilih pelajar demikian kerana berhasrat membanyakkan golongan profesional Melayu. Oleh itu untuk mencapai matlamat ini, MRSM memberi peluang kepada semua kelompok masyarakat Bumiputera yang cemerlang dari segi akademik.

Langkah MRSM memberi peluang kepada semua kelompok masyarakat Bumiputera yang cemerlang dari segi akademik menghasilkan keputusan peperiksaan SPM/MCE yang cemerlang di kalangan pelajarnya. Jadual 78 menunjukkan kecemerlangan pelajar-pelajar MRSM dalam peperiksaan SPM/MCE dari tahun 1967-1990.

Jadual 78
Keputusan SPM/MCE pelajar MRSM 1976-1990

Tahun	Jumlah calon	Pangkat 1	Peratusan	Peratus lulus
1976-1980	1,283	1,000	77.9%	100%
1981-1985	4,366	3,432	78.6%	100%
1986-1990	10,095	9,139	90.5%	100%

Sumber: MARA: *The New Economic Policy 1970-1990*

Dalam jadual 78 MRSM berjaya melahirkan pelajar cemerlang dalam bidang akademik. Pada tahun 1976-1980, seramai 1,283 pelajar atau 77.9% daripada pelajarnya mendapat pangkat satu dalam peperiksaan SPM/MCE. Peratusan mendapat pangkat satu telah meningkat kepada 78.9% dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) dan melonjak naik ke 90.5% dalam tempoh perlaksanaan Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990). Kewujudan MRSM telah menolak tuduhan bahawa pelajar-pelajar Bumiputera tidak boleh menguasai matapelajaran sains dan matematik yang menjadi mitos pada tahun 1960-an dan 1970-an. Kewujudan MRSM telah memberi sumbangan dan peranan membekalkan pelajar Bumiputera dalam bidang profesional untuk mengimbangi ketidakseimbangan dalam sektor ekonomi.

Bahagian penganjuran dan Bahagian Pelajaran Menengah MARA telah berperanan menyediakan kemudahan pendidikan kepada anak-anak Bumiputera yang cemerlang dalam bidang akademik. Tujuan kedua-dua bahagian ini pada asasnya ingin membekalkan tenaga profesional Bumiputera terlibat dalam kancang pembangunan negara di samping mengimbangi ketidakseimbangan kaum dalam bidang-bidang tertentu. Tidak semua masyarakat Bumiputera cemerlang dalam bidang akademik. Oleh itu, MARA menyediakan latihan kemahiran untuk mereka.

Tujuan program latihan anjuran MARA ialah untuk memenuhi keperluan pekerjaan dalam sektor industri negara. Justeru itu, MARA telah menuahkan dua institusi latihan kemahiran iaitu Institut Kemahiran MARA dan Pusat Giat MARA.

Melalui dua institusi ini, MARA menyediakan berbagai jenis kursus kemahiran samada pada peringkat asas dan lanjutan.

Dalam tempoh perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru, MARA berjaya menubuhkan lapan buah Institusi Kemahiran MARA (IKM) iaitu IKM Johor Bharu, Johor; IKM Jasin, Melaka; IKM Kuala Lumpur, IKM Petaling Jaya, IKM Lumut, Perak; IKM Pekan, Pahang; IKM Alor Setar dan IKM Sungai Petani, Kedah.

Pengambilan pelajar IKM sentiasa bertambah dari semasa ke semasa. Jadual 79 menunjukkan pengambilan pelajar dan pelajar tamat di IKM dalam tempoh perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (1970-1990).

Jadual 79
Pengambilan dan Pelajar Tamat di IKM
Dari Tahun 1971-1990

Racangan Malaysia	Pengambilan	Pelajar Tamat
RMK 2 (1971-1975)	3,090	1,814
RMK 3 (1976-1980)	8,198	6,271
RMK 4 (1981-1985)	11,175	9,720
RMK 5 (1986-1990)	17,772	14,441
Jumlah	40,235	32,246

Sumber: *MARA; The New Economic Policy 1971-1990*.

Berdasarkan jadual 79, seramai 3,090 pelajar telah diterima masuk ke IKM dan sejumlah 1,814 pelajar telah menamatkan kursusnya dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975). Dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980), sejumlah 8,198 pelajar telah memasuki IKM dan seramai 6,271 pelajar telah menamatkan kursus mereka.

Jumlah pengambilan pelajar telah meningkat kepada 11,175 pelajar dan pelajar tamat telah meningkat kepada 9,720 pelajar dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985). Dalam Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990), sejumlah 17,772 pelajar telah memasuki IKM dan seramai 14,441 pelajar telah tamat latihannya di IKM. Ini bermakna dari tahun 1971-1990, IKM telah berjaya menerima pelajar seramai 40,235 pelajar dan telah berjaya mengeluarkan seramai 32,240 pelajar.

Lepasan institusi ini membuka perniagaan sendiri berdasarkan kemahiran yang diperolehi. MARA juga menubuhkan cawangan IKM yang dikenali dengan nama Pusat Giat MARA. Perbezaan antara IKM dan Pusat Giat MARA ialah dari segi syarat kemasukan dan cara pengendalian kursus. Kemasukan ke IKM memerlukan pelajar yang memiliki SPM dan bagi Pusat Giat MARA hanya setakat SRP. Kursus di IKM bercorak formal dan pelajar disediakan asrama dan Pusat Giat MARA, kursus dijalankan secara informal dan bercorak pelajar harian. Bagaimanapun matlamat kedua-dua institusi latihan ini adalah sama iaitu melatih Bumiputera dalam pelbagai bidang kemahiran untuk dibekalkan tenaga kerja dalam sektor industri dan membuka atau mengendalikan perniagaan sendiri berdasarkan kursus yang diperolehi.

Dari tahun 1986 hingga 1990, jumlah kemasukan pelatih ke Pusat Giat MARA ialah seramai 8,158 orang. Daripada jumlah ini, 7,655 tamat dalam tempoh yang sama. Jadual 80 menunjukkan pengambilan dan pelajar tamat di Pusat Giat MARA dari tahun 1986-1990.

Jadual 80
Pengambilan Dan Pelajar Tamat Di Pusat Giat MARA
Dari Tahun 1986-1990

Tahun	Pengambilan	Pelajar Tamat
1986	212	93
1987	1,023	502
1988	1,878	1,835
1989	2,108	2,389
1990	2,937	2,836
Jumlah	8,158	7,655

Sumber: MARA; The New Economic Policy 1971-1990.

Merujuk kepada jadual 80, pada tahun 1986, seramai 212 pelatih diterima masuk di Pusat Giat MARA dan pada tahun yang sama, pelatih yang menamatkan kursus mereka ialah seramai 93 pelatih. Pada tahun 1987, seramai 1,023 pelatih telah memasuki Pusat Giat MARA dan seramai 502 pelatih telah menamatkan latihan mereka. Pada Tahun 1988 pula, jumlah pelatih yang memasuki Pusat Giat MARA telah meningkat kepada 1878 pelatih dan pelatih tamat pula ialah seramai 1835 orang. Pada tahun 1989, jumlah pelatih yang memasuki Pusat Giat MARA ialah seramai 2108 pelatih dan pelatih tamat pula ialah seramai 2389 pelatih. Pelatih yang memasuki Pusat Giat MARA pada tahun 1990 ialah 2,937 pelatih dan pelatih yang tamat pada tahun 1990 ialah seramai 2,836 orang.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh MARA ke atas 7,578 pelatih Pusat Giat MARA, MARA mendapati seramai 2,555 pelatih atau 33.7% yang memasuki Pusat Giat MARA adalah datangnya daripada keluarga petani dan nelayan; 1,578 pelatih atau 20.8% datangnya dari keluarga yang bekerja sendiri; 1,456 pelatih atau 19.2% pelatih datangnya dari keluarga yang bekerja sendiri, seramai 1,323 pelatih atau 17.5% pelatih

adalah datangnya daripada keluarga yang bekerja dengan kerajaan dan 666 atau 8.85 % pelatih adalah datang daripada keluarga usahawan dan ahli perniagaan. Daripada kajian MARA juga, dari 7,578 pelatih yang memasuki Pusat Giat MARA, sejumlah 4,981 atau 65.7% adalah pelatih yang datang daripada keluarga yang berpendapatan kurang dari RM500.00 sebulan. Seramai 7,380 atau 97.5% pelatih adalah datang dari keluarga yang berpendapatan kurang dari RM1000.00 sebulan dan hanya 198 pelatih atau 2.6% yang datang dari kelaurga yang berpendapatan melebihi RM 1000.00 sebulan.

Pada peringkat awal penubuhan Pusat Giat MARA, kursus yang dianjurkan ialah seperti kursus ‘bricklaying’, ‘carpentry’, ‘tilling’ dan ‘plumbing’. Oleh kerana permintaan yang tinggi untuk memasuki Pusat Giat MARA, maka pihak MARA telah menambahkan kursus-kursus baru seperti kursus ‘automotive’, membaiki alatan elektrik, membuat perabut, membuat kusyen dan lain-lain kursus dan lain-lain kursus berdasarkan kehendak dan permintaan setempat. Kursus yang dijalankan di Pusat Giat MARA memakan masa antara 6 bulan hingga 12 bulan. Kursus jangka pendek ini bertujuan melahirkan lepasan yang dapat memenuhi kehendak pasaran kerja dengan cepat atau mereka boleh mengendalikan kerja sendiri dengan bantuan kelaurga atau institusi yang berkaitan. Kemudahan yang disediakan oleh MARA di Pusat Giat MARA ialah latihan percuma, elauan sara hidup sebanyak RM100.00 sebulan dan nasihat kerjaya oleh Unit Kaunseling MARA. Jumlah kos yang ditanggung oleh MARA untuk membiayai setiap pelatih Pusat Giat MARA ialah sebanyak RM 1,986.00 untuk kursus selama 6 bulan dan RM 3,972 untuk pelatih yang mengikuti kursus selama 12 bulan.

MARA juga menubuhkan cawangan pelajaran komersil. Program pelajaran komersil ini dikendalikan oleh Institut Perdagangan MARA (IPM) dan MARA infotech Academy (AIM). Kursus dianjurkan adalah bertaraf profesional meliputi bidang perakaunan, perniagaan, aplikasi komputer dan teknologi maklumat. Tujuan program pelajaran komersial ialah untuk melatih anak-anak Bumiputera dalam bidang perakaunan, perdagangan, komputer dan teknologi maklumat untuk memenuhi peluang pekerjaan di sektor swata. Kursus ini dijalankan secara intensif dan pelatih diwajibkan menjalani latihan praktikal. Dengan cara ini, MARA dapat menanamkan sikap budaya kerja dan mendedahkan budaya kerja di sektor korporat. Kursus yang dijalankan di IPM dan AIM adalah menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Kelayakan masuk ke program IPM dan AIM ialah mendapat pencapaian terbaik dalam peperiksaan SPM. Perbelanjaan Program Pelajaran Komersil MARA dari tahun 1971-1990 dapat dirujuk pada jadual 81.

Jadual 81
Perbelanjaan Program Pelajaran Komersial MARA
Dari 1971-1990

Bil	Institusi	Elaun Latihan	Pembangunan	Jumlah (RM)	Jumlah pelajar	Purata setiap pel.
1	IPM Kuala Lumpur	9,525,00	1,645,400	11,170,400	3,291	3,394

Sumber: MARA; The New Economic Policy 1971-1990.

Berdasarkan jadual 81, perbelanjaan dari 1971-1990 membiayai elauan pelajar di IPM ialah sebanyak RM9,252,000.00. Manakala perbelanjaan pembangunan pula sebanyak RM1,645,400.00. Dengan perbelanjaan yang begitu besar, IPM telah berjaya mengeluarkan seramai 3,291 orang.